



# Aini Ideris dilantik semula

**P**ROF. Datuk Dr. Aini Ideris dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Januari ini.

Aini dalam satu kenyataan merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh yang memberi kepercayaan, peluang dan amanah kepada beliau untuk terus menerajui UPM sehingga 31 Disember 2019.

“Saya anggap pelantikan ini sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang amat besar dan insya-Allah akan berusaha menjalankan tugas ini dengan sebaik mungkin demi kecemerlangan UPM sebagai universiti penyelidikan unggul dan seterusnya mengharumkan nama negara pada peringkat global,” katanya.

Aini yang berpengalaman luas dalam pentadbiran UPM pernah menjawat pelbagai jawatan termasuk Timbalan Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Dekan Sekolah Pengajian Siswazah, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi sebelum dilantik sebagai Naib Canselor UPM pada 1 Januari 2016.

UPM berjaya menggapai beberapa pencapaian terbaik bawah naungan Aini sebagai Naib Canselor iaitu memperkukuh kedudukan *ranking* ke-229 sebagai universiti terbaik dunia dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2017/2018* selain mengekalkan kedudukan sebagai universiti kedua terbaik di Malaysia.

Dalam tempoh pentadbirannya juga, UPM berjaya meraih kemenangan dua tahun berturut-turut bagi kategori organisasi Pengurusan Harta Intelek Terbaik dan merangkul emas di Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2017.